

# Mahathir— ke Jepun hujung minggu

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR,**  
Rabu — Perkembangan hubungan China-Jepun masa kini dan implikasinya mungkin menjadi perkara pokok yang bakal dibincangkan dalam rundingan antara para pemimpin Jepun dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa lawatannya ke negara itu lewat minggu ini.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan mengetuai satu rombongan peringkat tertinggi untuk lawatan 13 hari ke Tokyo dan Osaka bagi menarik pelaburan Jepun ke Malaysia. Beliau dijangka tiba di Tokyo hari Sabtu ini.

Sumber-sumber di Kedutaan Jepun di sini berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir dijadualkan menemui Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perusahaan Jepun, Encik Toshio Komoto dan Menteri Luar Sunao Sonoda pada hari Selasa dan Perdana Menteri Jepun, Encik Takei Fukuda pada 2 November.

Menurut sumber itu, tidak ada topik tertentu yang akan dibincangkan tetapi oleh kerana kunjungan Datuk Seri Dr. Mahathir bersempena dengan lawatan Naib Perdana Menteri China, Encik Teng Hsiao Peng, hubungan antara China dengan Jepun sudah pasti menjadi "topik yang baik untuk perbincangan secara bebas".